



BIDANG GEOGRAFI DI UKM
DAN CABARAN SEMASA*

Abdul Kadir Haji Din
Jabatan Geografi,
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGENALAN

Istilah "geografi" bererti huraiian tentang bumi. Secara lebih terperinci geografi ialah bidang ilmu yang mencakupi kajian tentang bahan dan fenomena dalam ruang yang ada perkaitan dengan kehidupan manusia. Seperti dalam bidang-bidang sains sosial yang lain tugas ahli geografi meliputi kerja-kerja huraiian, klasifikasi, analisis,, sintesis dan penjelasan. Yang membezakan mereka daripada ahli sains sosial lain hanyalah sudut pandangan mereka yang memberi tumpuan khas kepada sifat-sifat keruangan fenomena yang dikaji. Akan tetapi tidakkah semua fenomena sosial dan kemanusiaan itu terletak dalam konteks ruang? Bukankah tugas pencerakinan atau sintesis itu tugas sepunya bagi semua disiplin? Soalan-soalan seperti ini sudah berulangkali dibangkitkan sehingga ada ahli yang percaya bahawa tidak ada alasan yang kuat untuk mewujudkan suatu bidang geografi secara terasing lantas mengusulkan supaya disiplin geografi dimansuhkan (Hurst 1980: 12; Smith 1987: 159), dan sememangnya sudah ada beberapa jabatan Geografi yang ditutup atas alasan ini.

* Kertaskerja yang dibentangkan di Seminar "Meninjau Kembali Pencapaian FSKK", 8-9 Oktober 1990, UKM, Bangi.

Soal raison d'etre seperti di atas tidak pernah dibangkitkan di negara ini, malahan konsep geografi itu sendiri jarang dipersoalkan. Hanya apabila pelajar disoalkan tentang apa ertiannya geografi barulah pengabaian aspek ini jelas terserlah. Bertolak daripada kecaburan tentang takrif geografi kertas ini bertujuan membincangkan perkembangan bidang geografi di UKM dengan tumpuan di bahagian akhirnya kepada beberapa cabaran semasa yang dihadapi oleh para pengamalnya.

GEOGRAFI DI UKM

Jabatan Geografi (atau Ilmu Alam sehingga 1977), ditubuhkan serentak dengan penubuhan UKM pada tahun 1970. Kini ia merupakan di kalangan Jabatan yang terbesar dari segi jumlah kakitangan (37), dan ruang bilik pengajaran, dengan jumlah pelajar seramai 713 orang, beserta 10 orang pelajar pasca-siswazah. Dengan jumlah kakitangan akademik seramai 17 orang (4 Profesor, 7 Profesor Madya dan 6 Pensyarah), Jabatan Geografi yang kini menawarkan 34 kursus boleh dianggap sudah sampai pada peringkat tepu jika dibandingkan dengan jabatan-jabatan yang sebanding dengannya sama ada di luar negeri maupun di dalam negeri. Sebagai sebuah disiplin akademik Geografi sudah tentunya mempunyai aspek-aspek kekuatan, kelemahan, aspek-aspek yang boleh serta perlu dipertingkatkan, dan ancaman-ancaman boleh menggugat pencapaian setakat ini.

Kekuatannya

Kekuatan sesebuah Jabatan akademik bergantung kepada outputnya dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan seterusnya sumbangannya kepada universiti dan masyarakat. Walaupun terdapat kelemahan sana-sini, kekuatan Jabatan di dalam beberapa perkara patut disebut sebelum menyentuh tentang kelemahannya. Dari segi pengajaran sejak tahap penubuhannya lagi Jabatan berazam untuk menghasilkan para siswazah yang terpelajar dan berpandangan luas sejajar dengan keperluan tenaga guru, perancang dan pentadbir yang serba boleh di negara ini (Jamaluddin dan Katiman, 1980: 2). Untuk tujuan ini pengajaran di Jabatan diarahkan kepada kemahiran menghurai serta menganalisis perkara-perkara ruangan secara objektif dengan pendedahan yang ekstensif kepada soal-soal gunaan termasuk penelitian di lapangan. Penawaran program sejumlah 34 kursus memberi pilihan aspek-aspek kaedah dan aspek-aspek substantif yang cukup untuk membolehkan pelajar menguasai bidang kecil pengkhususan masing-masing. Selain daripada mengambil delapan kursus wajib (termasuk dua kursus teknik kuantitatif), pelajar berpeluang memilih sembilan kursus-kursus pilihan daripada 26 kursus pilihan yang ditawarkan di Jabatan. Keperluan kursus-kursus asas dan tawaran gugusan kursus pilihan yang luas, beserta penulisan latihan ilmiah pada tahun akhirnya diharap akan memberi pendedahan yang cukup kepada perkara-perkara perkaedahan dan perkara-perkara substantif dalam disiplin geografi. Di samping kemudahan bimbingan di peringkat pra-siswazah Jabatan juga mempunyai kemampuan untuk menyelia pelajar-pelajar pasca-siswazah dalam sekitar 25 bidang kecil disiplin geografi.

Kakitangan Jabatan Geografi boleh dikatakan lebih giat di dalam bidang-bidang penyelidikan dan penerbitan. Sehingga 1989 sebanyak 255 judul penyelidikan dan 322 judul penerbitan (termasuk 40 buku) telah dilaporkan. Daripada jumlah ini 44 peratus daripada penyelidikan dan 58 peratus daripada penerbitan dihasilkan oleh tenaga pengajar geografi fizikal. Peratusan jumlah penerbitan yang lebih tinggi dihasilkan oleh ahli geografi fizikal walaupun bilangan mereka kecil, mencerminkan betapa prolifiknya kakitangan geografi fizikal, terutamanya Profesor Sham Sani. Barangkali akibat penerbitan yang begitu prolifik dan relatif lebih produktif (jika dibandingkan dengan bidang-bidang lain di FSKK, lihat perangkaan bandingan dalam Abdul Rahim, 1990), majoriti kakitangan telah diundang untuk memberi sumbangan di luar universiti di dalam pelbagai kapasiti termasuk jawatankuasa-jawatankuasa peristilahan, pemeriksaan, penasihat kerajaan dan sebagai pakar perunding. Di samping itu ada beberapa orang kakitangan yang terlibat di peringkat antarabangsa, dan ekoran daripada penglibatan seumpama itu ada pemerhati yang menganggap Jabatan Geografi UKM sebagai salah satu Jabatan yang terkemuka di rantau ini.

Jabatan juga tidak kurang memberi sumbangan pentadbiran di universiti. Keempat-empat orang Profesor Geografi telah biasa menjadi Dekan; kini seorang Profesor menyandang jawatan Naib Canselor sementara seorang lagi sebagai Pengetua Kolej. Sebelum menjadi Pengetua KUSZA Profesor Abdul Hamid memegang jawatan

Pengarah Biro Penyelidikan dan Perundingan UKM. Di samping itu ada sebilangan kakitangan yang diundang menjadi editor dan penilai jurnal-jurnal akademik dan pemeriksa tesis sama ada di dalam atau di luar universiti, sementara dua daripada kakitangan yang lain (Encik Sulong dan Encik Katiman), berjaya meraih hadiah bahasa yang dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kekuatan Jabatan mungkin tidak akan sampai ke peringkat sekarang tanpa bantuan daripada kakitangan teknikal dan am, terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan sokongan kepada kegiatan tenaga akademiknya. Jabatan Geografi kini mempunyai kemudahan yang boleh dianggap lengkap bagi keperluan penyelidikan terutamanya dalam bidang-bidang geografi fizikal. Data daripada penyelidikan tentang aspek-aspek tanah, geomorfologi, kajikuur, biogeografi, kualiti air, kualiti udara dan kaji peta mampu dikendalikan oleh lima bahagian makmal yang ada di Jabatan. Kemudahan-kemudahan ini terutamanya bahagian kajiklim dan perpustakaan peta kerap digunakan oleh penyelidik-penyalidik lain sama ada dari Jabatan-jabatan di dalam mahupun di luar universiti, termasuk pelawat-pelawat dari luar negeri.

Kelemahannya

Walaupun dari segi penyelidikan, penerbitan dan sumbangan kepada masyarakat prestasi sebilangan kakitangan Jabatan boleh dikatakan cemerlang namun pencapaian ini tidak semestinya menjamin kelincinan dalam semua aspek perjalanan Jabatan. Kiranya dikaji

dengan teliti ada banyak perkara yang boleh ditimbulkan sebagai kelemahan Jabatan sebahagian daripadanya berpunca kepada sifat Jabatan yang mewarisi matlamat profesional yang serba kabur dan keliru. Perkara yang agak ketara di Jabatan ialah ketandusan suasana ilmiah di mana ahli-ahlinya kelihatan ghairah berwacana, ghairah menerokai perkara-perkara teoretis dan bidang-bidang baru, serta ghairah menurunkan ilmu sama ada kepada kakitangan muda mahupun kepada pelajar pasca-siswazah. Kebanyakan ahli amat gigih dengan penglibatan masing-masing secara terasing dan sendirian. Ini bererti meskipun sebagai ahli akademik masing-masing berkemampuan, kemampuan itu sering diarahkan untuk kepentingan individu. Akibatnya isu-isu sepunya terus terbengkalai walaupun ada usaha dari masa ke semasa untuk membawa isu-isu Jabatan ke medan perbincangan. Prinsip "khidmat untuk diri" juga merangsangkan ahli untuk terlibat dalam usaha-usaha yang menjanjikan ganjaran sama ada dalam bentuk wang ataupun pengaruh.

Akibat daripada orientasi saradiri di atas Jabatan behadapan dengan gejala kemiskinan sumbangsan kerana "khidmat kepada negara atau universiti" (dengan tempiasan kepada diri) lebih dipentingkan, sedangkan "khidmat untuk Jabatan" diabaikan langsung. Saya percaya gejala saradiri ini bukanlah sesuatu yang unik pada disiplin geografi sahaja, malahan suatu penyakit yang mungkin telah/akan menular kepada semua Jabatan kiranya tidak diawasi dan dihadapi dengan usaha untuk membangkitkan rasa kekitaan yang kuat, didorongi oleh moraliti profesional yang

lebih insaf tentang tanggungjawab sepunya di Jabatan yang diamanahkan kepada setiap ahli.

Faktor yang kritis terletak kepada kepimpinan. Mengingat kepada pengalaman kakitangan dalam bidang pentadbiran Jabatan tentunya tidak miskin bakat kerana majoriti kakitangan sekurang-kurangnya sudah biasa bertugas sebagai Ketua Jabatan. Dan dari segi jumlah Profesornya Jabatan mungkin mempunyai bilangan pemimpin akademik yang paling ramai di negara ini. Jika bilangan Profesor dan bilangan penerbitan diambil sebagai ukuran mungkin Jabatan Geografi merupakan Jabatan yang terkemuka di negara ini. Bagaimana pula dengan bilangan pelajar pasca-siswazahnya? Kalau kita anggapkan program pasca-siswazah sebagai saluran turunan ilmu kedudukan di Jabatan sudah tentu amat daif dan membimbangkan. Mungkin kelembapan ini disebabkan oleh kekurangan daya tarikan disiplin geografi di pasaran. Bagaimana pula dengan (boleh dikatakan) ketiadaan langsung sokongan para akademik terhadap kegiatan persatuan pelajar? Dan apa pula gerangannya dengan suara-suara sumbang dan surat layang daripada pelajar?

Jabatan jelas (seharusnya tidak) dahagakan kepimpinan akademik. Ia perlukan ahli yang lebih beretika membangkitkan soal-soal sepunya untuk kepentingan bersama. Selagi tidak ada semangat kekitaan untuk sama-sama berganding bahu memikirkan soal-soal visi dan misi, selagi itulah Jabatan akan tinggal sebagai suatu 'showcase' yang indah khabar dari rupa.

Peluang-peluang

Kepakaran geografi terletak kepada kemampuan ahli untuk menyumbang sebagai "generalized specialists" atau pakar-pakar cerakin. Kepakaran untuk menjalinkan unsur fizikal dan kemanusiaan dengan penekanan kepada unsur-unsur keruangan dan hubungan antara manusia dengan alam sekitar adalah suatu penjuru ilmu yang tidak mampu ditangani oleh pakar-pakar lain. Jadi peluang sedia terbuka bagi para ahli geografi untuk menyumbang sama ada dalam penyelidikan asas atau gunaan. Bidang-bidang kecil seperti geografi politik, geografi sejarah, biogeografi, geografi perubatan, geografi pertanian, geografi perindustrian, geografi dan polisi awam, kajian alam sekitar, kajian pelancongan dan lain-lain lagi, mencerminkan betapa luasnya peluang para pengamalnya untuk bergabung usaha di peringkat antara-disiplin. Dalam disiplin geografi sendiri peluang untuk memadukan usaha dalam projek-projek usahasama adalah luas.

Soal pokoknya Jabatan memerlukan barisan pemimpin yang gigih berusaha untuk membimbing program-program pengajaran, penyelidikan dan penerbitan yang lebih sepadu dan sepunya. Setidak-tidaknya usaha seperti ini boleh mengawal kecenderungan untuk tumbuh secara pecah, terpisah-pisah tanpa arah. Hal yang serupa juga boleh diusahakan bersama Persatuan Mahasiswa Geografi yang sehingga ini wujud tanpa haluan.

Memandang kepada betapa terencatnya program pasca-siswazah di Jabatan, peluang untuk pengembangannya masih menanti untuk diterokai dengan sepenuhnya. Hambatan utama ke arah ini nampaknya terletak pada daya penarik program yang ada. Buat waktu ini Jabatan tidak menawarkan sebarang program yang lebih khusus tumpuannya, sementara program yang ditawarkan boleh dikatakan seratus peratus bergantung kepada inisiatif calon yang mendaftar. Ekoran itu peluang untuk mengadakan yang tiada masih luas terbuka. Jabatan telah lama memikirkan kemungkinan untuk menawarkan program sarjana dalam bidang pengurusan sumber, perancangan, kajian alam sekitar dan kajian kawasan. Sekali lagi usaha ke arah penerapan idea-idea seperti ini memerlukan inisiatif dan input daripada kakitangan-kakitangan kanan di Jabatan.

Hal-hal yang berkaitan dengan penggarapan "thrust areas", penerapan ranting-ranting ilmu yang relevan dan realistik kepada konteks setempat dan semasa masih terbengkalai kerana kekurangan minat untuk bersungguh-sungguh memikirkan perkara-perkara ini. Peluang untuk mengisi program yang ada dengan lebih giat memerlukan kerjasama seluruh Jabatan. Selagi kerjasama dan inisiatif tidak bangkit selagi itulah peluang itu terus kekal pada peringkat peluang.

Peluang untuk mempelajari daripada perkembangan di luar amat luas sekali kiranya pensyarah bersungguh-sungguh mengesan terbitan-terbitan terkini, atau berhubung terus dengan para

profesional dalam bidang masing-masing. Melihat kepada rekod penggunaan perpustakaan dan daripada surat-surat yang diterima di Jabatan peluang ini masih menanti untuk diterokai. Amat kecil bilangan ahli yang terlibat dengan pertukaran maklumat dalam lingkungan "invisible college"; kolej jenis ini masih terus "invisible" di kalangan majoriti ahli.

Ancaman-ancaman

Susunlapis perjawatan dan prestasi profesional di Jabatan memperlihatkan struktur yang "berat/besar kepala". Seharusnya profil seperti ini menjanjikan proses turunan ilmu (apprenticeship) dan kepimpinan yang baik. Kedudukan di Jabatan agak jauh daripada kedudukan yang diingini; bukan sahaja kurangnya turunan ilmu dan kurang kepimpinan akademik, malah susunlapis rol ketika ini berkemungkinan mengancam kestabilan Jabatan. Oleh kerana golongan yang terkanan lebih cemerlang prestasi kerjaya masing-masing mereka boleh dilantik untuk menyandang jawatan di luar atas tiket sandaran. Lagipun golongan ini akan bersara tidak lama lagi. Pemergian mereka nanti boleh melunturkan imej korporat Jabatan. Hal ini telah berlaku di banyak Jabatan di negara-negara Barat; keharuman nama Jabatan selalunya bergantung kepada keharuman nama Profesor-profesor tertentu. Jabatan akan terus wujud tetapi akan kehilangan taringnya. Sistem turunan ilmu yang ada tidak membantu proses penggantian yang licin dan sempurna.

Di sebaliknya amalan mementingkan khidmat untuk masyarakat dan universiti (luar jabatan) di kalangan barisan Profesor, tidak kira apa alasannya, bukan sahaja menyebabkan Jabatan miskin kepimpinan akademik, amalan sedemikian juga menurunkan sikap lebih mementingkan khidmat luar Jabatan di kalangan bakal pengganti golongan Profesor. Akibatnya gejala orientasi saradiri akan berterusan. Ketiadaan inisiatif untuk tujuan-tujuan sepunya, ketandusran iklim berwacana (seminar), ketiadaan minat terhadap kegiatan pelajar, pengabaian sumbangan kepada perpustakaan (Abdul Kadir, 1990a), dan ketiadaan inisiatif untuk mengembangkan program pasca-siswazah (Abdul Kadir, 1990b), adalah di antara pertanda-pertanda yang menunjukkan kekurangan minat untuk menyumbang kepada Jabatan. Pentadbiran Jabatan boleh merintis jalan dengan menujuhan beberapa Jawatankuasa, akan tetapi kemampuan Jabatan kesudahannya bergantung kepada semangat sepasukan.

Ancaman kedua berpunca daripada sifat ilmu geografi yang semakin majmuk dan terpecah-pecah bidangnya. Profesor Samad telah menghuraikan kedudukan ini dalam syarahan perdananya dengan rumusan bahawa geografi harus balik ke pangkal jalan, kepada sumbangan ahlinya sebagai pencerakim (Abdul Samad, 1990). Mesej beliau agak berbeza daripada buah fikiran Profesor Sham yang lebih menjurus kepada isu gunaan melewati isu-isu epistemologi (Sham Sani, 1989). Kedua-dua Profesor ini menerima hujah bahawa geografi seharusnya relevan, seharusnya memberi sumbangan kepada masyarakat. Sudut pandangan mereka mencerminkan kelainan arah

pemikiran geografi fizikal dan kemanusiaan. Profesor Sham barangkali lebih senang berbicara ilmiah dengan rakan-rakan daripada Fakulti Sains Hayat, Profesor Samad dengan rakan-rakan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, dan Profesor Zakaria dengan rakan-rakan di UPM. Ini membayangkan kotak-kotak kecil bidang geografi.

Hampir dua puluh bidang-bidang sistematik geografi meleraikan tumpuan ahli Jabatan ke arah yang berlainan sehingga masing-masing merasa lebih dekat dengan rakan di bidang luar. Dr. Sharifah Mastura umpamanya mungkin lebih peka kepada buah fikiran ahli geologi seperti Prof. Tjia atau Dr. Ibrahim Komo, jika dibandingkan dengan karya rakan-rakan di Jabatan. Perkotakan ilmu seperti ini bererti tugas-tugas sepunya, jawapan kepada soalan-soalan "what for" dan "so what", tidak dapat diartikulasi dengan selarasnya. Pokoknya akibat warisan ilmu dari Barat, ahli lebih terikat dan terdeda oleh masalah ortodoksi disiplin, lantas menyukarkan ahli Jabatan untuk bekerjasama kerana kurang faham bahasa masing-masing. Kecenderungan untuk mengembang secara terasing ini jelas bercanggah dengan keperluan disiplin yang menuntut supaya ahli geografi menghala usaha ke arah matlamat integrasi ilmu untuk tujuan pencerakinan.

Ancaman ketiga berkisar pada masalah mediokriti, terutamanya di kalangan pelajar. Kiranya hujah putaran ganas yang dikemukakan oleh Kamal Salih dapat diterima, kita akan berhadapan dengan golongan pelajar yang semakin lemah kerana

siswazah-siswazah lemah yang kita latih akan menghasilkan pelajar lemah. Pelajar "ayam letrik" yang lulus dengan cemerlang kerana jawapan contoh kurang daya fikirannya. (Ini tidak kena mengena dengan ketajaman otak atau mutu IQ). Jumlah kemusikan pelajar pula semakin bertambah dengan purata pertambahan hampir 20 peratus setiap tahun sejak program Geografi bermula. Ini bererti kemampuan membimbing berkurangan sedangkan keperluan membimbing bertambah. Jadi gejala "masuk angin keluar asap" akan berterusan, akibatnya prestasi akademik akan bertambah lemah.

Ekoran itu bekalan calon pasca-siswazah yang jarang ada sekarang ini akan menjadi lebih kering. Bila ini berlaku harapan Jabatan untuk mencari calon-calon yang bermutu untuk mengganti pensyarah yang bersara menjadi sukar untuk dipenuhi. Kiranya ada calon-calon sesat yang berkelayakan kelemahan mereka dalam penguasaan Bahasa Inggeris akan membantut kemajuan mereka sebagai pengamal yang ilmuan serta boleh dibawa ke arena antarabangsa. Meskipun penguasaan Bahasa Inggeris bukanlah syarat mutlak bagi menentukan kecemerlangan seseorang pensyarah, kemampuan untuk mengajar dan menyelidik sudah semestinya bergantung kepada pembacaan yang luas, terutamanya daripada sumber bacaan dari luar. Setakat ini walaupun kakitangan Jabatan sudah menghasilkan lebih daripada 40 judul buku, hanya empat judul sahaja yang pernah timbul dalam senarai bacaan dalam kursus yang ditawarkan di Jabatan. Begitu juga halnya dengan timbunan karya pensyarah yang nampaknya jarang dibaca, apatah lagi dipetik oleh penulis-penulis lain, kecuali pelajar tahun kepujian.

Menurut seorang Profesor, karya pensyarah setakat ini lebih mirip kepada usaha reiteratif, bukan kreatif atau imaginatif. Maksud beliau penyelidik lebih cenderung untuk menceduk kerangka konsep daripada buku-buku teks untuk di "uji" di lapangan. Persoalan "what for" dan "so what" amat jarang diketengahkan. Sebagai contoh, tidak sampai lima peratus daripada makalah-makalah yang diterbitkan dalam 18 keluaran jurnal Ilmu Alam membincangkan implikasi penulisan terhadap isu-isu teoretis dan polisi. Di kalangan yang membangkitkan isu-isu ini boleh dikatakan tidak ada satupun yang membahaskan implikasi penemuan secara mendalam. Jadi idealisme tentang sumbangan yang kononnya relevan kepada masyarakat tidak mungkin akan membawa sebarang kesan di luar bilik kuliah.

RUMUSAN

Jabatan Geografi kini berada di stesen 20 dan mutu perjalanan ke stesen 30 dan kemudiannya bergantung kepada persediaan dan servis keseluruhan enjin, landasan dan gerabak. Destinasi perjalanan bukanlah sesuatu yang tuntas malah sentiasa berganjak. Di peringkat awal semangat sepunya yang berkobar ria dengan visi yang lebih jelas telah membawa Jabatan ke tahap yang matang hari ini. Setidak-tidaknya dua orang daripada bekas siswazah sudah muncul sebagai pakar dalam bidang masing-masing dan pada dasarnya sudah layak untuk memohon jawatan Profesor. Dalam istilah Profesor Samad garis hayat mereka hampir genap lingkarannya. Mereka prolifik dan berkesan sebagai pendidik. Kemajuan mereka

mencerminkan kemajuan Jabatan yang boleh dianggap kuat ketika ini. Mereka wujud dan bertugas secara semakin terasing disebabkan oleh sifat disiplin ilmu Geografi, dan kedudukan yang kurang sepadu di Jabatan. Mereka kurang memimpin dan mungkin kurang dipimpin.

Cabaran semasa ialah bagaimana hendak mengekalkan pencapaian akademik agregat (walaupun bukan kolektif), yang sudah dicapai di Jabatan dalam jangka panjang. Ancaman daripada pembocoran tenaga keluar dan penyakit mediokriti di kalangan punca pengganti adalah dua perkara yang perlu dihadapi demi untuk menjamin supaya mutu akademik Jabatan akan berterusan dan bertambah baik. Cabaran ini tidak akan dapat diatasi dengan sempurna tanpa semangat usahasama untuk memperbaiki kedudukan sepunya, terutamanya tentang pemantapan program pengajaran, prasiswazah dan pasca-siswazah. Jabatan sesungguhnya memerlukan inisiatif kepimpinan daripada golongan kanan, Profesor dan Profesor Madya, selaras dengan alasan yang diberi ketika permohonan dibuat untuk melantik mereka menjawat pangkat masing-masing. Bila digelar Profesor atau Profesor Madya dalam bidang Geografi prioriti seharusnya diberi kepada mendedikasikan khidmat kepada Jabatan, menegor yang salah, menyokong dan membantu yang benar.

Sebagai catatan akhir berikut saya senaraikan semula beberapa cadangan oleh Profesor Pelawat Dr. Alaric Maude (31.3.1982) yang masih perlu diberi perhatian.

1. Program kursus harus lebih sepadu (sekarang semakin berpecah-pecah).
2. Adakan geografi pembangunan (perkara ini relevan dan diajar di USM).
3. Tulis buku-buku teks bersesuaian dengan konteks tempatan, prioriti bukan pada terjemahan buku dari Barat (ada kemajuan).
4. Perlu geografi wilayah, termasuk di luar Asia Tenggara (lemah jika dibandingkan dengan UM).
5. Adakan seminar berjadual (masih lembab).
6. Terlalu banyak penglibatan dalam projek-projek perundingan yang mengancam penyelidikan asas (ada kebenarannya).
7. Fungsi utama Profesor ialah mendorong, memimpin dan menyelaras kegiatan akademik di Jabatan (setuju sekali).

Apa yang dialami di Jabatan Geografi mungkin sudahpun dirasai di jabatan-jabatan lain di Fakulti. Saya yakin seminar ini kita adakan untuk bertukar fikiran tentang kelemahan-kelemahan yang sama-sama kita hadapi demi untuk memperbaiki keadaan semasa. Dengan semangat itu kertas ini sengaja memberi tumpuan yang panjang lebar pada aspek-aspek kelemahan kerana saya percaya pendekatan mengkritik diri lebih bermanfaat daripada mencanang

kelebihan masing-masing. Saya amat bersyukur kiranya ada perkara yang boleh merangsangkan ahli Fakulti untuk mengambil iktibar daripada isu-isu yang dibangkitkan. Bagi pihak Jabatan segala komen dan teguran positif daripada hadirin sekalian sudah tentu amat kami hargai.

RUJUKAN

1. Abdul Kadir H.D. 1990a. Koleksi Geografi Asia Tenggara di Perpustakaan Tun Seri Lanang: Cukup atau tidak. Kertas kerja yang disediakan untuk Bengkel Koleksi Asia Tenggara, anjuran Perpustakaan Tun Seri Lanang, t.t. 36 hal.
2. Abdul Kadir H.D. 1990b. Program Pasca-Siswazah. Kertas perbincangan Kolokium Jabatan Geografi UKM, 28 Februari 1990.
3. Abdul Rahim M.N. 1990. Menilai pencapaian akademik: Satu perbincangan konseptual dengan mengambil contoh jabatan-jabatan UKM. Kertas perbincangan, Kolokium Jabatan Geografi UKM, 28 Februari 1990.
4. Abdul Samad H. 1990. Di sebalik Pola Reruang. Siri Syarahan Perdana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1990.
5. Hurst, M.E. 1980. "Geography, social science and society: towards a definition", Australia Geographical Studies, 18(1): 3-21.
6. Jamaluddin J. & Katiman R. 1980. Ten Years of Geography at Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Review, Ilmu Alam 9: 1-16.
7. Mohd. Sham S. & Abdul Samad H. 1975. Ilmu Alam dan Pembangunan di Malaysia. Akademika, 6: 45-62.
8. Mohd. Sham S. 1989. Pembandaran dan Iklim: Implikasinya Terhadap Perancangan Bandar di Rantau Tropika Rendah. Siri Syarahan Perdana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1989.
9. Smith, N. 1987. "Academic war over the field of geography": the elimination of geography at Harvard, 1947-1951. Annals, Association of American Geographers 77(2): 155-172.